

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[ GERIK ]**

**TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019**

**SOALAN NO. 115**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam mempelbagaikan lagi perkhidmatan awam di kawasan luar bandar terutamanya dalam meningkatkan mutu serta perkhidmatan MyBas agar setiap pelusuk luar bandar dapat dicapai.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 2 inisiatif utama yang telah dilaksanakan Kerajaan bagi perkhidmatan bas henti-henti di Semenanjung Malaysia iaitu Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) melalui jenama perkhidmatan bas 'MyBAS' dan Dana Sokongan Bas Berhenti-henti (ISBSF).
2. Inisiatif SBST merupakan inisiatif penambahbaikan liputan dan pemantauan menyeluruh terhadap keperluan tahap perkhidmatan merangkumi pematuhan laluan, kekerapan trip perjalanan, ketepatan masa dan kebolehpercayaan. Inisiatif ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui model "gross cost" dan diperkenalkan sejak 2015 di Seremban, Kangar, Ipoh dan Kuala Terengganu. Manakala inisiatif ISBSF adalah dana bantuan kepada pengendali bas henti-henti untuk menampung kos kerugian operasi bagi laluan-laluan tidak menguntungkan, khususnya di luar bandar. Ianya penting agar penyediaan perkhidmatan bas di laluan tersebut tidak terputus bagi penduduk luar bandar.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi meneruskan kelangsungan perkhidmatan laluan bas henti-henti di luar bandar, Kementerian melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) pada 29 Julai 2019 telah memperbaharui kontrak dana ISBSF dengan 52 pengendali bas henti-henti bagi 350 laluan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 2019-2020. Sebanyak RM220 juta telah diperuntukkan bagi tempoh 2019-2020, dimana RM110 juta disediakan pada tahun 2019. Penambahbaikan kontrak ISBSF kali ini telah mensyaratkan pengendali untuk memasang sistem tiket elektronik dan *Global Positioning System (GPS)* di dalam setiap bas agar pergerakan bas dan kepatuhan laluan akan dipantau dalam sistem pemantauan APAD. Ianya agar tuntutan dana yang dibuat oleh pengendali bas henti-henti dapat disemak dan disahkan berdasarkan data sistem tersebut.

4. Selalin itu, Kementerian sedang dalam proses bagi meningkatkan mutu perkhidmatan bas di seluruh negara melalui Model Baru Tadbir Urus dan Pembiayaan Sistem Bas Berhenti-henti (SBST2.0). Pengenalan model baru ini akan menggunakan pendekatan strategi desentralisasi dan pengagihan sumber pembiayaan secara bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Model SBST2.0 ini akan dilaksanakan secara berfasa dengan menggabungkan inisiatif sediaada iaitu MyBAS, ISBSF dengan tambahan MyVAN; perkhidmatan bas henti-henti menggunakan kenderaan lebih kecil khususnya di kawasan luar bandar berkepadatan kurang 10,000 penduduk. Justeru, kawasan liputan perkhidmatan bas henti-henti akan lebih meluas dan boleh dicapai kelak. Pada masa ini, APAD sedang menjalankan libat urus bersama Kerajaan Negeri bagi mendapatkan maklumbalas berkenaan pelaksanaan model SBST2.0 untuk dimaklumkan kepada Mesyuarat Majlis Pengangkutan Negara.

Sekian, terima kasih.